

### Sajak

**Peter Augustine Goh**

#### **BALADA TAKUT**

Takut yang paling takut  
 adalah takut pada takut itu sendiri  
 galak memanggang diri  
 perlahan-lahan  
 hingga ke hujung hari  
 galak bersarang  
 bagaikan merintih  
 diriuhan sepi  
 sesekali jangan meninggalkannya  
 sendirian dirantai lara  
 kerana hidup seperti pelita  
 apabila tertiuang angin keras  
 terpadam rimas  
 terdakap hiba  
 terbebat dalam gelap gelita  
 mengeruhkan sungai suasana  
 minyak yang tersisa  
 tidak lagi berguna  
 dalam diam menanam benih ragu  
 yang tiada kesudahannya.

#### **KIDUNG KASIH BUAT SEKEPING HATI YANG TERUBAT**

Ini hati yang terubat  
 tidak lagi terbebat  
 pedih bisa  
 dek riak dan tamak  
 dengki dan benci  
 marah dan tiada arah  
 dari akar godaan  
 di dalamnya mengalir sungai kekufuran  
 menghilangkan keras suara  
 diriuhan keegoaan melata  
 tiada hujungnya.

Ini hati yang terubat  
tidak lagi terbebat  
kerana disuntik teladan nabi  
sanggup menjadi seperti Sulaiman  
menjadi raja besar  
walaupun dianugerahkan kemewahan  
berulit kekuasaan  
tetap merendah diri  
makannya cuma kering roti,  
juga ingin menjadi seperti baginda  
sering basah bibir  
kaya kalimah-kalimah suci  
terucap setiap kalimah subhanallah  
lebih berharga nilainya  
daripada segala isi dunia;  
sanggup mengawal nafsu  
seperti Yusuf putera kesayangan Yaakub  
ketika digoda Zulaikha;  
sanggup menahan rasa sakit  
seperti Ayub menahan penderitaan  
walaupun hanya tinggal hati  
dan lidah  
yang masih tidak dijangkiti penyakit;  
sanggup mengikut jejak Ibrahim  
yang rela dibakar  
kerana meruntuhkan berhala pujaan  
Namrud dan rakyatnya  
yang sentiasa terpenjara dalam khurafat;  
sanggup menjadi pemimpin  
yang berjiwa besar seperti Zulkifli  
rela berhadapan kerena pengikutnya  
yang sentiasa mendakap kebatilan  
baginda tetap sabar dan tabah  
tidak sesekali goyah;  
sanggup memiliki kehebatan  
seperti Isa yang hanya berbantalkan lengan  
ketika tidur pada malam hari.

Ini hati yang terubat  
tidak lagi terbebat  
kerana telah berpaut erat  
kepada Ilahi  
tidak lagi melarikan diri

berani menegakkan makruf  
di tengah banjir kemungkaran.

### **USAH DITANYA LAGI**

Usah ditanya lagi  
adakah aku tak terus memajangkan doa  
tergugah keyakinan  
tersuntik ke seluruh urat nadi  
agar pulangkanku  
langit biru yang hilang  
dan udara jernih tanpa debu  
kerana betapa kerap aku bersihkan  
lantai ini tetap ditemani debu halus  
memang aneh tapi mengilhamkan  
angin dari luar  
tetap taat membaca kesepian  
menghadamkan rintihan  
dalam diam  
tapi diriuhan pengharapan seorang penanti  
yang didakap kerinduan mulus  
kekasihnya jauh di perantauan.

Usah ditanya lagi  
adakah kesetiaannya  
sudah mula berkarat di tepian hari  
sedangkan angin di luar  
tak sesekali mengkhianati  
terus menghadam kesepianku  
yang tak pernah tumpul  
menyampaikan pesan salam mesra  
penuh keikhlasan.

#### **Biodata Penulis:**

#### **Peter Augustine Goh**

Penulis atau nama sebenarnya Iskandar Goh merupakan pesara polis yang kini terlibat aktif dalam bimbingan penulisan kreatif dan menterjemah. Kelahiran Melaka pada 15 Disember 1953. Menerima pendidikan di Malaysia dan Singapura. Menulis dalam pelbagai genre termasuk cerpen, puisi, novel kanak-kanak dan dewasa, drama TV dan radio, dan ulasan dan kritikan sastera sejak dekad 70-an. Antara tulisan terkininya adalah kumpulan puisi *Sumur Kebenaran* (2016, DBP) dan novel *Puisi Kasih buat Hidayah* (2017, ITBM). Sementara kumpulan cerpen *Air Mata di Arafah* (2014) memenangi Hadiah Sastera Singapura 2016.